

10 pelajar ikuti program mobiliti

UM 4.9.2013 26

KOTA KINABALU 3 Sept. - Seramai 10 penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) terpilih mengikuti program mobiliti pelajar antara Malaysia-Republik China bermula 22 September ini.

Mereka terdiri daripada enam penuntut Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, dua dari Sekolah Sains Informatik Labuan dan masing-masing seorang dari Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa dan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan.

Program yang dipelopori Jabatan Pengajian Tinggi itu akan diadakan selama enam bulan di Beijing dengan keutamaan terhadap pembelajaran bahasa Mandarin dan pendedahan terhadap budaya di negara tersebut pada tiga bulan pertama.

Menurut Pengarah Pusat Hubungan Industri (PHI) UMS, Prof. Madya Dr. Ho Chong Mun, para penuntut akan menjalani latihan amali di AEON Beijing, sebuah syarikat yang bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam yang dipilih sebagai Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE).

"Dalam program itu, Universiti



HO Chong Mun (kiri) bersama Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah (tiga dari kiri) dan beberapa pelajar yang terlibat dengan mobiliti UMS-China di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

Eko Campus itu melalui PHI memainkan peranan sebagai urus setia kewangan manakala Universiti Utara Malaysia (UUM) pula bertindak menyelaraskan penempatan penuntut," katanya di sini, baru-baru ini.

Chong Mun berkata, selain pe-

nuntut UMS, seramai 10 penuntut UUM turut menyertai kumpulan itu dengan dibiayai sepenuhnya Yaysan Al-Bukhary.

Dalam pada itu, beliau turut menggalu-alukan penglibatan pihak industri bagi mengadakan kerjasama

terhadap pengendalian latihan dan program mobiliti pelajar.

Katanya, mereka yang berminat boleh menghubungi pejabat PHI pada talian 088-320000 sambungan 1382 atau 1031 atau e-mel ke pejphi@ums.edu.my.